

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 83-97

MEDIA DAN LITERASI KESIHATAN: PEMILIHAN SUSU TUMBESARAN KANAK- KANAK DALAM KALANGAN IBU

EMMA MOHAMAD, NUR AFIQAH MOHD HANIFF, SABARIAH
MOHAMED SALLEH, ABDUL LATIFF AHMAD & HASRUL HASHIM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Pemilihan susu tumbesaran oleh ibu bapa adalah penting bagi menjamin kesihatan yang baik dan membantu dalam proses tumbesaran anak-anak. Walaubagaimanapun, terdapat lambakan maklumat mengenai susu tumbesaran di media dan kebanyakan maklumat ini berkemungkinan tidak tepat, terutamanya jika ia datangnya dari sumber yang menjana keuntungan. Kajian ini memfokuskan kepada literasi kesihatan dalam kalangan ibu tentang khasiat susu tumbesaran anak-anak mereka. Ini melibatkan akses, pemahaman, penilaian dan aplikasi maklumat berkaitan kesihatan terhadap aspek tumbesaran anak yang mempengaruhi pemilihan susu tumbesaran anak mereka. Kajian ini bersifat kualitatif dan menggunakan temubual fokus ke atas 25 orang ibu sebagai responden. Kajian ini juga melihat bagaimana media memainkan peranan dalam pembentukan literasi kesihatan golongan ibu terutamanya dalam aspek susu tumbesaran kanak-kanak. Model Literasi Kesihatan Sorensen digunakan dalam kajian ini bagi memandu pengkaji dalam mendalami aspek literasi kesihatan. Media pula dimasukkan dalam kajian untuk melihat bagaimana ia boleh memainkan peranan dalam pembentuk literasi kesihatan ibu. Hasil kajian mendapati media berupaya menyumbang kepada pemahaman golongan ibu terutama melalui maklumat yang dipaparkan. Namun begitu, kebolehan responden untuk mengakses, memahami dan menilai maklumat kesihatan dalam media dengan baik tidak menjamin guna kait maklumat tersebut dalam tingkah laku kesihatan.

Kata kunci: *Komunikasi kesihatan, literasi kesihatan, susu formula, susu segar, media.*

HEALTH AND MEDIA LITERACY: THE CHOICE OF MILK AMONGST MOTHERS FOR THE GROWTH OF CHILDREN

Abstract

Selection of growing up milk is vital to ensure good health for children and help fulfill children growing up needs. However, there are abundance of information made available on the media, many of which may be inaccurate, especially those based on money making profit. This study focuses on mothers' health literacy on children growing up milk. Specifically we conducted focus group interviews with 25 mothers. This study aims to examine media's role in health literacy and mothers' ability to access, understand, appraise and apply information on children growing up milk. The study utilizes Sorensen Health Literacy Model to operationally define and delve into health literacy. Media is weaved into the study to explore its role in mothers' health literacy on growing up milk. The study found that the media could contribute towards mothers' health literacy, particularly through the information portrayed. However, the access, level of understanding and judgement of these information do not guarantee their health behaviours.

Keywords: *Health communication, health literacy, formula milk, fresh milk, media*

PENGENALAN

Komunikasi merupakan satu bentuk penyampaian mesej atau maklumat yang sentiasa berkembang sehingga mewujudkan suatu disiplin yang dapat dikaji dalam pelbagai bidang. Salah satu cabang rentas disiplin yang meningkat kepentingannya adalah gabungan ilmu komunikasi dan perubatan atau dikenali sebagai bidang komunikasi kesihatan.

Menurut Zoller dan Dutta (2008), komunikasi kesihatan adalah susunan atau aturan proses komunikasi dan mesej yang dibentuk di sekeliling isu kesihatan. Zoller dan Dutta turut menyatakan, pengetahuan mengenai bidang komunikasi kesihatan ini juga dapat dikategorikan kepada dua iaitu perspektif berlandaskan

proses dan perspektif berlandaskan mesej. Secara keseluruhannya, komunikasi kesihatan ini merupakan gabungan perspektif mesej kesihatan yang disampaikan melalui interaksi sosial dalam komuniti yang terlibat.

Parrot (2004) menyatakan bahawa media merupakan salah satu cabang dalam komunikasi kesihatan yang mana media berperanan sebagai 'entiti' yang mempengaruhi dan membentuk kepercayaan kesihatan, sikap serta tingkah laku kesihatan. Media banyak mempromosi kesihatan dalam program-program di televisyen, sebagai contoh kajian Tanner, Evans dan Condrazy (2008) yang melihat keberkesanan program kempen kesihatan di media untuk meningkatkan kadar pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran dalam kalangan keluarga. Dengan menggunakan pengukuran kuantitatif dan kualitatif, hasil kajian mereka mendapati kempen media tersebut berhasil dalam mendapatkan sokongan sosial ibu bapa untuk melakukan perubahan gaya amalan hidup sihat di rumah. Ibu bapa dilihat lebih banyak melakukan pembelian buah-buahan serta sayur-sayuran, dan ini terdorong daripada kempen media tersebut yang berjaya mempengaruhi tingkah laku dan sikap ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

Menurut Tulloch dan Zinn (2011) media merupakan medium komunikasi yang diiktiraf dan paling berpengaruh terhadap pembangunan masyarakat moden kini kerana media itu sendiri mampu membentuk 'realiti' terhadap masyarakat disebabkan kebolehnya mengubah emosi masyarakat. Hal ini juga kerana media tidak bekerja secara sendirian tetapi media turut dibantu oleh peranan komunikasi bersama yang akhirnya menghasilkan konsep komunikasi massa. Baran (2002) dalam bukunya menyatakan bahawa komunikasi massa tidak akan wujud sekiranya tiada mesej atau maklumat yang ingin disampaikan melalui sesuatu medium, iaitu media.

Menurut Parrot (2004), peranan media dalam kesihatan sebagai pengaruh dan pembentuk kepercayaan, sikap dan tingkah laku kesihatan masyarakat telah didokumentasikan dengan baik dalam kesusasteraan komunikasi kesihatan. Malah, salah satu cara penyelidikan komunikasi kesihatan terawal melihat bagaimana media digunakan untuk menyebarkan maklumat kesihatan kepada orang ramai, memaklumkan tentang kepercayaan berkaitan kesihatan dan membentuk serta mempengaruhi sikap kesihatan (Salmon & Atkin 2003)

Selain itu, literasi kesihatan juga dapat ditingkatkan melalui media secara atas talian. Melalui kajian Pomerantz et al. (2010), komuniti berdasarkan informasi kesihatan dapat dibina menerusi media atas talian. Dengan menyatukan semua pengamal kesihatan seperti pengamal perubatan, literasi dan kesihatan awam secara atas talian, ia mampu membentuk sebuah komuniti 'celik' kesihatan. Hal ini kerana perbincangan serta perkongsian idea dan pandangan bersama komuniti yang mempunyai kemahiran serta pengetahuan polisi dan maklumat kesihatan yang sama, mampu meningkatkan tahap literasi mereka. Tambahan lagi, ia mampu mendorong komuniti ini membuat keputusan berkaitan kesihatan. Kajian ini juga mencadangkan bahawa dengan meningkatkan kadar perkongsian maklumat kesihatan, ia dapat membantu komuniti tersebut melakukan pencarian

maklumat kesihatan melalui pelbagai sumber yang lain. Perkongsian maklumat kesihatan melalui media atas talian ini juga boleh mewujudkan pertukaran pengetahuan daripada disiplin dan sektor yang berbeza dalam kesihatan. Sebagai contoh, penglibatan pediatrik, pegawai perubatan dan clinicians sebagai penyedia literasi boleh membantu mengintegrasikan kesihatan kepada kelasnya tersendiri. Hal ini juga mendorong kepada pembelajaran yang mudah dan cepat kerana sokongan ahli yang terlibat dalam berkongsi maklumat berkaitan kesihatan.

Walaupun media dilihat sebagai agen berpengaruh, namun sikap atau tingkahlaku kesihatan harus juga dinilai dari konteks budaya. Menurut Dutta (2008) konsep budaya dalam kesihatan merujuk pada makna kesihatan yang difahami atau dirundingkan dalam konteks tempatan. Penekanan yang ingin ditunjukkan adalah budaya ini bersifat dinamik dan menyeluruh. Dalam erti kata lain budaya ini menyediakan suatu rangka kerja bagi tujuan masyarakat berkomunikasi tentang makna kesihatan. Selain itu, ianya juga merupakan satu cara bagi masyarakat berkumpul untuk memahami tentang kesihatan dan penyakit melalui kepercayaan budaya, nilai dan amalan. Kepercayaan budaya, nilai dan amalan ini adalah bentuk kontekstual menyebabkan makna kesihatan menjadi 'tempatan' dalam konteks tersebut.

Persoalan kajian adalah untuk melihat bagaimana ibu-ibu menggunakan media dalam proses literasi kesihatan berkenaan topik susu tumbesaran. Kajian juga berminat untuk mengetahui jika media boleh memainkan peranan untuk meningkatkan literasi kesihatan golongan ibu dalam pemilihan susu tumbesaran anak.

LITERASI KESIHATAN SUSU TUMBESARAN

Secara ringkasnya, literasi kesihatan merupakan suatu kemahiran yang penting terhadap masyarakat terutama dalam meningkatkan pengetahuan kesihatan, pemahaman pembuatan pilihan atau keputusan masyarakat ke atas hal-hal berkaitan kesihatan. Sekiranya masyarakat mempunyai tahap literasi kesihatan yang baik, maka kefahaman terhadap isu kesihatan juga adalah baik, dan begitu sebaliknya. Ini turut dinyatakan oleh Parker (2000) bahawa literasi kesihatan yang rendah dan lemah dalam diri seseorang sama ada secara langsung atau tidak langsung akan memberi kesan kesihatan yang lemah. Hal ini disebabkan oleh tahap pengetahuan mengenai kesihatan diri sendiri juga adalah lemah. Sebagai contoh, pembuatan keputusan bagi kesihatan kanak-kanak terletak pada ibu bapa mereka. Jika ibu bapa mempunyai tahap literasi kesihatan yang rendah, maka anak-anak mungkin bergantung kepada kesedaran-kesedaran yang diberikan melalui sumber lain seperti pendidikan di sekolah. Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Chari et al. (2014), ibu bapa dengan tahap literasi kesihatan yang rendah berpotensi kurang mengawal penyakit-penyakit kronik dalam diri anak-anak mereka. Hal ini kerana apabila fungsi literasi kesihatan antara ibu bapa sendiri dengan anak-anak mereka tidak wujud, keputusan kesihatan anak-anak terletak pada diri mereka sendiri serta membuat keputusan bagi kesihatan

mereka sendiri contohnya pengambilan makanan di sekolah.

Peningkatan kesedaran terhadap literasi kesihatan ini membawa kepada pembangunan konsep pengetahuan kesihatan yang diterapkan melalui campur tangan aspek sosial. Aspek sosial yang dimaksudkan adalah dari segi penglibatan ibu bapa terhadap pengetahuan kesihatan anak-anak mereka bermula sejak kecil lagi. Merujuk pada definisi Peerson dan Saunders (2009), literasi kesihatan melibatkan pembuatan keputusan dalam kalangan ahli keluarga yang mana ia boleh diaplikasikan dalam amalan gaya hidup dalam sesebuah keluarga. Amalan gaya hidup yang sihat biasanya melibatkan pelbagai aspek, namun aspek terpenting yang dibawa dalam kajian ini adalah aspek pemakanan iaitu yang melibatkan diet kanak-kanak yang seimbang. Menurut Lasimbang (2005) dalam bukunya, kesihatan boleh dijaga dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan gaya hidup sihat secara amnya merangkumi beberapa aspek antaranya adalah pemakanan sihat. Pemakanan sihat bermaksud makanan yang diambil dapat membekalkan tenaga, membina tisu serta meningkatkan daya ketahanan badan daripada sebarang penyakit. Makanan tersebut juga harus mengandungi beberapa sumber dalam gizi makanan seperti protein, karbohidrat, lemak, vitamin dan garam mineral.

Merujuk pada sumber yang terdapat dalam gizi makanan, susu merupakan antara bahan mentah yang mengandungi keperluan nutrisi yang diperlukan oleh tubuh badan manusia dalam menjalani proses tumbesaran. Fungsi susu sebagai protein adalah bagi membina tisu baru yang dapat menggantikan tisu yang rosak, membentuk enzim dan antibodi, hormon dan sel darah merah atau hemoglobin (Lasimbang 2005). Malaysian Dietary Guidelines (2010) menyarankan susu atau makanan yang mempunyai kandungan nutrisi yang sama seperti keju dan *yogurt* perlu diambil sebanyak 2 cawan setiap hari bagi kanak-kanak 2 hingga 8 tahun, dan 3 cawan sehari bagi kanak-kanak yang berumur 9 tahun dan ke atas termasuk orang dewasa.

Menurut garis panduan pemberian makanan bayi dan kanak-kanak kecil oleh Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia (2008), terdapat pelbagai jenis susu yang digalakkan untuk diambil dan kurang digalakkan pengambilannya. Bermula dengan rumusan bayi komersil dan kemudian susu mentah iaitu susu yang tidak dididih atau dipasteurkan, susu yang difermentasikan contohnya seperti dadih, susu penuh krim, susu skim iaitu susu tanpa lemak, susu rendah lemak, susu pekat manis dan produk gantian susu seperti krimer atau susu soya. Walau bagaimanapun, kajian ini akan melihat kepada dua jenis susu tumbesaran komersil iaitu susu segar dan susu formula.

MODEL LITERASI KESIHATAN

Sorensen et al. (2012) mula memperkenalkan model literasi kesihatan yang dibina berdasarkan pada tinjauan sistematik keseluruhan definisi literasi kesihatan dan kerangka model literasi kesihatan dari tahun 2000 ke 2009 oleh para sarjana yang mengkaji tentang konsep literasi kesihatan ini. Secara umumnya teori dan

model kesihatan ini dikembangkan dengan tujuan untuk melihat tingkah laku kesihatan seseorang individu. Tingkah laku ini merangkumi beberapa aspek penting antaranya pemahaman, literasi kesihatan dan kebolehan seseorang individu tersebut untuk memberi tindak balas terhadap isu kesihatan.

Model Literasi Kesihatan Sorensen secara spesifiknya menunjukkan penglibatan tindakan mengakses, memahami, menilai dan mengguna kait maklumat kesihatan yang didapati. Secara ringkasnya semua teori dan model berkaitan komunikasi kesihatan ini mempunyai sedikit sebanyak hubung kait yang akhirnya membawa kepada satu makna dan tujuan yang sama.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan salah satu daripada kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan model Sorensen et. al (2012) sebagai kerangka teoritikal kajian. Pendekatan ini dikenali sebagai kerangka konsep teori yang membawa maksud penggunaan salah satu konsep yang telah dibawa atau didorong oleh sesebuah teori, dan konsep ini dijadikan panduan bagi kajian yang dijalankan (MacFarlane & Brun 2011).

Dalam kajian ini pendekatan yang digunakan adalah kumpulan fokus yang bertumpu kepada lima kumpulan ibu (25 orang responden) yang mempunyai anak kecil berumur dalam lingkungan dua hingga enam tahun. Rasional pemilihan had umur ini adalah kerana kanak-kanak bercerai susu badan daripada ibu mereka bermula pada usia dua tahun. Oleh itu, terdapat kecenderungan untuk anak-anak ini meminum susu formula atau susu segar. Kajian menemubual responden mengikut elemen model literasi kesihatan Sorensen yang melihat kepada akses, pemahaman, penilaian dan aplikasi maklumat yang diperolehi melalui media mengenai susu tumbesaran. Kaedah kumpulan fokus sekaligus dapat membantu golongan ibu untuk berinteraksi dalam hal berkaitan pembentukan persepsi dan pandangan terhadap susu tumbesaran.

Pemilihan responden juga tertumpu kepada golongan ibu berbangsa Melayu sahaja bertujuan untuk melihat sekiranya terdapat isu budaya yang boleh dibincangkan daripada data. Tambahan lagi, golongan ibu merupakan golongan yang paling bersesuaian kerana mereka lebih berkait secara langsung dalam isu penyusuan ini, di samping lebih memahami corak penyusuan anak-anak mereka. Selain itu, golongan ibu juga antara golongan yang biasa membuat keputusan dalam pemilihan susu tumbesaran bagi anak-anak. Responden turut dibahagikan kepada lima kumpulan dan setiap satu kumpulan terdiri daripada lima orang ahli. Pemilihan ahli kumpulan fokus ini dilakukan secara persampelan bertujuan yang mana hanya golongan ibu yang menetap di sekitar kawasan Lembah Klang serta terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja yang boleh dipilih.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat tema yang dibincangkan iaitu akses, pemahaman, penilaian

dan guna kait. Keempat-empat tema ini dipecahkan lagi kepada sub tema bagi memperjelaskan lagi tema yang telah ditetapkan.

A. Akses

Akses merujuk kebolehan responden mendapatkan maklumat daripada media berkaitan kesihatan, khususnya dalam membuat pemilihan susu tumbesaran bagi anak-anak mereka. Kebanyakan responden menyatakan bahawa jenis media yang paling menjadi pilihan mereka dalam mendapatkan maklumat tentang kesihatan adalah internet. Internet merupakan medium pencarian paling cepat dan mudah terutama berkaitan informasi kesihatan dan nutrisi kanak-kanak. Menurut responden:

“selalunya melalui internetlah. Internetlah dekat dengan kita kan. Paling cepat dan senang.” (Noris,28, Kumpulan Fokus A)

Selain itu, terdapat juga responden daripada kumpulan fokus yang berlainan turut berkongsi pandangan yang sama :

“saya banyak gunakan internetlah sebab saya tak ada masa nak cari spesifik majalah sebab kalau internet, dia ada blog, dia ada Facebook yang memang mereka punya admintu banyaknya adalah doctor. Ada yang tulis rencana apa semua daripada luar dan dalam Negara. Jadi pandangan tu widelah. Macam-macam boleh tahu dan dapat.” (Azlina, 33, Kumpulan Fokus D)

Berdasarkan perbincangan ini, hampir sebahagian besar responden menyatakan bahawa jenis media yang dipilih dalam mendapatkan maklumat tentang kesihatan dan nutrisi kanak-kanak adalah internet. Media sosial dilihat sebagai salah satu sumber maklumat yang mudah dan dirujuk. Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang memberikan pandangan berbeza mengenai jenis media yang menjadi pilihan utama mereka seperti majalah :

“Macam saya kan, saya banyak refer magazine Pa & Ma tu. Pa & Ma biasa dah ada maklumat budak-budak kan. Kadang tu mereka ambil sumber daripada pakar sebenar tau, itu yang menarik..... internet ada tapi jarang. Saya suka baca majalah lagi. Kita melangganlah. Bukan apa, internet kita tak tahu sangat jauh mana sumber kesahihan dia kan. Pandangan sayalah secara peribadi. Sofia (28, Kumpulan Fokus E).

Dapat dilihat di sini bahawa elemen kepakaran dalam pemberian maklumat masih lagi menjadi elemen penting dalam penilaian maklumat kesihatan. Responden lebih memilih majalah disebabkan oleh beliau berkeyakinan bahawa perkongsian pakar kanak-kanak atau doktor sebenar dalam majalah tersebut lebih dirujuk kerana mereka merupakan antara sumber yang dapat dipercayai.

B. Pemahaman

Tema ini mewakili pemahaman para ibu tentang maklumat berkaitan susu tumbesaran kanak-kanak di media. Rata-rata pemahaman susu tumbesaran anak-anak hanya bertumpu kepada susu formula sahaja.

“Susu ni biasanya yang susu formula tu untuk kanak-kanak, susu segar ni untuk orang dewasa.” (Haryani, 33, Kumpulan Fokus A)

Pemahaman tentang susu formula dalam kalangan responden adalah berbeza-beza dan pemahaman ini boleh dibahagikan kepada pemahaman negatif dan pemahaman positif.

Pandangan negatif: “Susu formula ni macam banyak kandungan gula lah, manis. Nanti budak-budak jadi hyper tau lepas minum sebelum tidur lagi hyper.” (Marina, 35, Kumpulan Fokus D)

Pandangan positif: “Susu formula ni dia growing up milk, banyak nutrition dalam tu sesuai untuk budak-budak membesar sebab dia dah letak DHA lah Gangliosida ke whatever.” (Noris, 28, Kumpulan Fokus A)

Berdasarkan perbincangan mengenai pemahaman tentang susu formula ini, dari sudut positif responden, segala pemaparan media berkaitan maklumat susu formula ini dilihat sebagai suatu bentuk pemakanan yang baik dalam diet kanak-kanak. Namun dari sudut negatif, susu formula ini dilihat sebagai susu yang mengandungi kadar gula yang sangat tinggi, di samping tidak asli kerana telah diformulasikan dengan pelbagai bahan.

Antara pandangan yang diberikan oleh responden mengenai susu segar adalah kepelbagaian jenama susu, pengguna serta kualiti produk susu:

“Susu segar ni kalau susu segar yang macam HL tu memang tak sesuai lah untuk budak pasal dia manis. Kalau macam Dutch Lady ke ha itu ok.” (Nurul, 29, Kumpulan Fokus B)

“.....bila tengok susu segar tu dia lebih kepada family lah. Sampai dewasa boleh minum. Dia tak spesifik macam susu kanak-kanak ni” (Halimah, 30, Kumpulan Fokus D)

Berdasarkan data yang diperolehi, kepelbagaian pemahaman responden terhadap susu segar diperolehi. Pemahaman tentang susu segar ini juga diakui berbentuk umum, namun berberapa responden yang faham akan kebaikan susu segar ini.

Secara kesimpulannya responden memberikan pemahaman bahawa susu merupakan elemen yang sihat untuk kesihatan masyarakat tidak mengenal usia. Selain itu mereka juga memahami fungsi atau kebaikan susu tersebut terhadap tumbesaran anak-anak. Secara keseluruhan bagi tema pemahaman ini, responden menunjukkan dua jenis pemahaman iaitu pemahaman yang tepat dan juga pemahaman yang kurang tepat. Pemahaman yang tepat contohnya adalah

berkenaan kadar gula yang tinggi dalam susu formula dan pemahaman yang kurang tepat contohnya adalah persepsi bahawa susu segar tidak sesuai untuk kanak-kanak.

C. Penilaian

Tema ini mewakili soalan yang bertujuan untuk melihat bagaimana para ibu menilai, mentafsir dan menapis maklumat berkaitan susu daripada pemaparan di media. Bentuk-bentuk soalan adalah pandangan terhadap iklan susu yang di paparkan di media dan adakah maklumat-maklumat berikan susu segar atau susu formula mempengaruhi mereka dalam membuat pemilihan susu tumbesaran kanak-kanak.

Secara keseluruhan, rata-rata responden berupaya berfikir secara kritikal terhadap kandungan media. Tahap literasi media bagi responden adalah pada kedudukan yang memuaskan.

“Macam saya ada background nutrition ni kan. Pada saya, iklan susu macam tu sepatutnya tak boleh dilepaskan seolah-olah macam susu tu dah boleh mewakili satu complete meal yang tak perlu makan benda lain. Sebenarnya, susu ni bukanlah satu main meal. Dia macam sampingan sahaja.” (Dalila, 28, Kumpulan Fokus C)

Berdasarkan perbincangan mengenai iklan susu di media, kebanyakan responden berpandangan bahawa iklan susu yang dipaparkan di media tidak menggambarkan realiti sebenar. Mereka juga mengakui bahawa iklan-iklan susu yang diapaparkan adalah bertujuan sebagai salah satu strategi pemasaran.

“Kalau media macam Facebook ke, maklumat susu formula tu tak banyak, Cuma lebih kepada postmortem pengguna. Anak mereka obes ke minum susu jenama sekian-sekian. Anak mereka cirit-birit, sembelit kalau minum susu sekian-sekian.” (Shamsiah, 31, Kumpulan Fokus D)

Walau mempunyai kesedaran mengenai kandungan media yang tidak tepat, rata-rata responden masih memberikan anak mereka susu formula. Rata-rata responden berpandangan bahawa, selagi jenama susu yang diberikan kepada anak-anak mereka tidak mempengaruhi kesihatan anak mereka, mereka tidak akan mengambil apa-apa tindakan.

Selain susu formula, responden juga diajukan tentang soalan yang berkaitan dengan susu segar.

“Susu segar tu ada perisa. Sedap. Yang kita tahu ada Dutch Lady tu sebab popular. Banyak je iklan kat tv dulu.” (Marina, 35, Kumpulan Fokus D)

“Saya ada tengok kadang dalam news kempen bagi susu kotak tu kan yang Dutch Lady tu dekat budak-budak sekolah. Sepatutnya mereka kerapkan lagi kempen-kempen bagi susu percuma ni.”

Jangan aim budak sekolah sahaja. Budak tadika pun boleh. Mesti mereka suka sebab ada perisa.” (Zainun, 29, Kumpulan Fokus C)

Sebilangan responden juga yang menyatakan bahawa maklumat tentang susu segar dalam media adalah kurang dipaparkan. Ini menyebabkan segelintir daripada mereka keliru dengan konsep susu segar yang sebenar.

Responden juga ada menyatakan maklumat susu formula dalam laman web mahupun blog boleh dipercayai kerana sumber yang menghasilkan pandangan tersebut merupakan pakar kesihatan. Manakala bagi penilaian negatif, responden melihat maklumat susu tumbesaran yang di paparkan di media terutamanya di televisyen tidak menggambarkan realiti sebenar. Penilaian negatif ini juga berlaku kerana pemaparan maklumat yang kurang tepat berkaitan susu tumbesaran. Dapat dilihat bahawa responden mempunyai literasi media dalam penilaian maklumat kesihatan. Sumber berkredibel adalah antara petanda penilaian responden terhadap kesahihan maklumat di media

D. Aplikasi / Guna Kait

Tema ini mewakili soalan yang bertujuan untuk melihat bagaimana para ibu menggunakan maklumat berkaitan susu tumbesaran kanak-kanak yang didapati daripada media dalam membuat pemilihan susu. Bentuk soalan yang diajukan adalah seperti adakah mereka mengaplikasikan maklumat susu ke dalam kehidupan, dan apakah faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh mereka ketika membuat keputusan dalam melakukan pemilihan susu. Kebanyakan responden menggunakan maklumat dari media dalam pemilihan susu tumbesaran anak mereka:

“Anak saya yang 4 tahun ni dulu minum Annum, tapi anak saya ni tak makan sayur. Jadi bila kita tengok iklan Sustagen tu, yang ada pyramid makanan kan. Dia balance. Jadi saya bagi yang tu pula. Sampai sekarang ok sesuai (Haryani, 33, Kumpulan Fokus A)

“Kita tengok on brand juga tau. Macam susu Enfagrow, memang sangat bagus untuk budak yang tak nak makan. Dia memang membantu. Mula kita baca sahaja. Tapi bila kawan saya bagi anak dia minum, selera anak dia terus naik.” (Norazian, 33, Kumpulan Fokus E)

Hasil dapatan menunjukkan responden ada menggunakan maklumat tentang susu yang diperolehi daripada media dalam membuat keputusan dan melakukan pemilihan susu tumbesaran kanak-kanak. Ini menunjukkan media boleh mempengaruhi tingkah laku masyarakat tetapi perlu ada sedikit penambahbaikan pengetahuan masyarakat berkaitan maklumat yang dipaparkan.

Dari segi penilaian, sebilangan responden menunjukkan guna kait pengetahuan kesihatan dan agama dalam tingkahlaku pemilihan susu

“Kalau saya tengok nutrisi yang ada kat belakang susu tu.

Kandungan dia yang mana tertinggi. Benda pertama yang saya tengok gula lah. Kemudian baru yang lain. Semua ni sebba pembacaan daripada forum ibu tentang masalah gula tinggi dalam produk susu formula.” (Suria, 29, Kumpulan Fokus A)

“Saya faktor halal. Bukan halal apa. Yang macam kes melamin tu kan kena tarik balik kan. Ha macam tu lah. Kandungan dia tu berbahaya ke apa ke. Dah masuk news kan dulu jadi isu ditarik balik semua tu. Jadi kita berhati-hati.” (Norasilah, 38, Kumpulan Fokus C)

Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat banyak faktor yang menjadi pertimbangan bagi memilih susu tumbesaran untuk anak anak. Faktor yang berbeza-beza ini walau bagaimanapun punca pemaparan media menjadi antara faktor yang mempengaruhi. Secara keseluruhannya responden menunjukkan tindakan mengguna kait maklumat susu tumbesaran daripada media atas alasan dan faktor yang berbeza-beza.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada empat konsep utama yang dikemukakan dalam Model Literasi Kesehatan Sorensen, iaitu akses, pemahaman, penilaian dan guna kait, pemerhatian terhadap literasi kesihatan golongan ibu ini dapat dilaksanakan. Ini adalah kerana keempat-empat elemen tersebut saling berkait antara satu sama lain dalam menentukan peranan media dalam literasi kesihatan para ibu yang terlibat dalam perbincangan kumpulan fokus ini.

Melalui hasil kajian, kebanyakan pemahaman para ibu mengenai nutrisi kanak-kanak dan susu tumbesaran adalah baik. Pemahaman mereka ini dibentuk melalui ilmu kesihatan yang mereka ada dan pemaparan maklumat nutrisi dan susu tumbesaran kanak-kanak di media. Ini dapat dilihat melalui kebolehan para ibu memberikan kefahaman mengenai isu nutrisi dan susu tumbesaran walaupun dalam bentuk yang ringkas.

Namun terdapat juga pemahaman yang kurang tepat berkaitan susu formula, contohnya kewujudan formula-formula dalam kandungan susu tersebut seperti diiklankan menyebabkan ia berpotensi mempengaruhi pemahaman sesetengah golongan ibu. Hal ini berlaku apabila ia turut disokong sumber maklumat yang dipercayai iaitu daripada pakar kesihatan atau doktor sendiri. Menurut Victor (2004), media mewakili antara faktor yang diiktiraf sebagai paling kuat keatas masyarakat dalam zaman moden ini, disebabkan oleh pengaruhnya yang bersifat halus, kumulatif dan berlaku dalam tempoh yang panjang sehingga ibu bapa mungkin tidak akan sedar kesannya.

Merujuk kepada hasil kajian, media ternyata memainkan peranan dalam pembentukan persepsi dan pemilihan susu tumbesaran oleh para ibu melalui dua cara iaitu media baru dan tradisional. Media juga berperanan membentuk persepsi dan pemilihan para ibu melalui strategi pemasaran yang baik. Segala pemaparan

media mengenai susu tumbesaran terutama susu formula melalui lambakan kepelbagaian jenama dan produk dilihat mempengaruhi pemilihan susu dalam kalangan ibu. Melalui pemaparan yang kerap dan informasi-informasi yang padat dan lebih spesifik menyebabkan persepsi positif masyarakat terhadap susu formula akan terbentuk.

Menurut Rich (2004) media adalah alat yang telah diterima oleh seluruh dunia sebagai medium pencapaian maklumat kesihatan yang dapat membantu dalam literasi kesihatan masyarakat. Dengan menggunakan elemen yang terdapat dalam media sebagai peralatan untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar, ia membantu meningkatkan kesedaran tentang sesuatu isu contohnya penyakit.

Berdasarkan hasil kajian, media ternyata memainkan perannya terhadap literasi kesihatan para ibu. Ini dapat dilihat menerusi kebolehan mengingati maklumat terutama maklumat tentang nutrisi susu formula dan susu segar di media. Perkongsian maklumat dan perbincangan antara masyarakat terutama mengenai kesihatan anak-anak melalui pengalaman sendiri atau pengalaman orang lain juga membantu. Media sosial juga boleh membantu peningkatan literasi kesihatan dari segi nutrisi kedua-dua jenis susu tumbesaran.

Namun, media tradisional terutama televisyen kurang memainkan peranannya terhadap literasi kesihatan para ibu dari segi nutrisi susu segar. Ini dapat dilihat menerusi kenyataan kebanyakan para ibu mengenai pemaparan maklumat berkaitan susu segar yang sangat terhad. Peranan media yang kurang memberikan penekanan kepada nutrisi susu segar ini memberi kesan kepada literasi kesihatan susu segar dalam kalangan ibu.

Media juga berperanan membentuk persepsi dan pemilihan pemilihan ibu bapa terhadap susu tumbesaran melalui strategi-strategi pemasaran yang baik. Segala pemaparan media berkaitan susu tumbesaran terutama susu formula serta lambakan kepelbagaian jenama dan produk dilihat mempengaruhi pemilihan susu dalam kalangan ibu bapa. Tambahan lagi, jenama atau produk susu formula tersebut disediakan dalam bentuk *packaging* yang menarik. Seterusnya, pemaparan iklan di kaca televisyen yang menunjukkan kandungan formulasi yang pelbagai telah berjaya menarik minat ibu bapa untuk memilih susu formula. Iklan-iklan susu yang dipaparkan turut menggunakan selebriti sebagai daya tarikan dalam mempromosikan susu formula kepada masyarakat. Oleh itu, peranan media melalui pelbagai strategi pemasaran ini telah berjaya membentuk persepsi ibu bapa terhadap susu tumbesaran sekaligus mempengaruhi pemilihan susu tumbesaran kanak-kanak oleh ibu bapa.

Media turut memainkan peranan dari segi kekerapan pemaparan iklan susu tumbesaran di televisyen. Hal ini merujuk kepada faktor pengaruh iklan dalam melakukan pemilihan susu formula sebagai susu tumbesaran anak-anak mereka. Melalui pemaparan yang kerap beserta informasi-informasi yang padat dan lebih spesifik contohnya kandungan formulasi dalam susu formula ini, menyebabkan persepsi positif masyarakat terhadap susu formula ini terbentuk. Apabila ini berlaku, ibu bapa terdorong untuk melakukan pemilihan susu formula tersebut

walaupun segelintir mereka sedar paparan itu tidak menggambarkan realiti sebenar. Ini selari dengan kajian Bekkum dan Hilton (2013) yang menunjukkan media mempengaruhi pembuatan keputusan tentang penjagaan kesihatan disebabkan oleh kekerapan paparan benda yang bukan realiti. Bagi susu segar pula, persepsi ibu bapa terhadap susu ini kurang terbentuk oleh kerana paparan maklumat berkaitan susu ini di media kurang diberi penekanan. Justeru, tidak ramai ibu bapa yang membuat pemilihan susu segar ini. Ini selari dengan kajian Mayer (2012) yang menunjukkan media mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap penyakit. Kurangnya paparan media mengenai penyakit tersebut menyebabkan masyarakat tidak prihatin terhadap penyakit itu. Hal ini menunjukkan bagaimana peranan media menyumbang kepada pembentukan persepsi dan pemilihan ibu bapa terhadap susu formula dan segar.

Secara rumusnya, peranan media dalam literasi kesihatan amat penting. Ini kerana akses, pemahaman dan penilaian maklumat kesihatan dapat dilakukan melalui media. Namun dalam konteks kajian ini, akses, pemahaman dan penilaian maklumat kesihatan dilihat tidak dapat meramal aplikasi / guna kait maklumat responden. Walaupun mempunyai literasi media yang baik seperti berupaya membezakan antara realiti dan rekaan salam iklan, responden rata-rata masih lagi menggunakan maklumat yang diperolehi di media untuk memandu tingkah laku pemilihan dan pembelian susu tumbesaran anak.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiaya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah kod geran GGPM-2013-019

BIODATA PENULIS

Emma Mirza Wati Mohamad adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam komunikasi kesihatan.

Nur Afiqah Mohd Hanif adalah pensyarah di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Sains Sosial, Nilai University Malaysia.

Sabariah Mohamed Salleh adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam media dan remaja.

Abdul Latiff Ahmad adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakarannya adalah dalam komunikasi antara budaya.

Hasrul Hashim adalah pensyarah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah penyiaran dan produksi audio visual.

RUJUKAN

- Baran, S.J. (2002). *Introduction to Mass Communication: Media Literacy and Culture*. United States: McGrawHill.
- Bekkum, J.E. & Hilton, S. (2013). Primary care nurses experiences of how the mass media influence frontline healthcare in the UK. *BMC Family Practice*. 14(178): 1-9.
- Chari, R., Warsh, J., Ketterer, T., Hossain, J. & Sharif, I. (2014). Association between health literacy and child and adolescent obesity. *Patient Education and Counseling*. 94: 61-66.
- Dutta, M.J. (2008). *Communicating Health: A culture-centered approach*. UK: Polity Press.
- Emma Mohamad & Hasrul Hashim. (2011). Negotiating Risk: Women Responses To Infant Feeding Issues In The Malaysian Media. *Malaysian Journal of Communication*. 27(2): 1-27.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2008. *Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil*.
- Lasimbang, H.B. (2005). *Wanita & Kesihatan*. Kota Kinabalu: Pacost Trust.
- MacFarlane, A. & Brun, M.O. (2011). Using a Theory-Driven Conceptual Framework in Qualitative Health Research. *Qualitative Health Research*. 22(5): 607-618.
- Mayer, B. (2012). Relax and take a deep breath: Print media coverage asthma and air pollution in the United States. *Social Sciences & Medicine*. 75: 892-900.
- Nutbeam, D. (2000). Health literacy as a public health goal: A challenge for contemporary health education and communication strategies into the 21st century. *Health Promotion International*. 15(3): 259-267.
- Nutbeam, D. (2008). The evolving concept of health literacy. *Social Sciences & Medicine*. 67: 2072-2078.
- Parker, R.M. (2000). Health literacy: a challenge for american patients and their health care providers. *Health Promotion International*. 15: 277-291.
- Parrot, R. (2004). Emphasizing communication in health communication. *Journal of Communication*. 54: 751-787.
- Peerson, A. & Saunders, M. (2009). Health literacy revisited: what do we mean and why does it matter? *Health Promotion International*. 24(3): 285-296.
- Pomerantz, K.L., Muhammad, A.A., Downey, S. & Kind, T. (2010). Connecting for Health Information Partners. *Health Promotion Practice*. 11(1): 79-88.
- Rich, M. (2004). Health Literacy via Media Literacy: Video Intervention/ Prevention Assessment. *American Behavioral Scientist*. 48(2): 165-188.

- Salmon, C.T. & Atkin, C. (2003). *Handbook of Health Communication*. New Jersey: Erlbaum Associates.
- Sorensen, K., Broucke, S.V., Fullam, J., Doyle, G., Pelikan, J., Slonska, Z. & Brand, H. (2012). Health literacy and public health: A systematic review and integration of definitions and models. *BMC Public Health*. 12(80): 1-13.
- Tanner, A., Duhe, S., Evans, A. & Condrasky, M. (2008). Using Student-Produced Media to Promote Healthy Eating. *Science Communication*. 30(1): 108-125.
- Tulloch, J.C. & Zinn, J.O. (2011). Risk, health and the media. *Health, Risk & Society*. 13(1): 1-16.
- Victor, C.S. (2004). Children, Adolescents and The Media. *Curr. Probl. Pediatr. Adolesc. Health Care*. 34: 54-113.
- Zoller, M.H. & Dutta, M.J. (2008). *Emerging Perspectives in Health Communication: Meaning, Culture, and Power*. New York: Routledge.
- Dairy Australia. 2008. Drinks for Children. Good Health & Nutrition. <http://www.idfdairynutrition.org/Files/media/FactSheetsConsumers/Drinks-for-Children-Fact-Sheet.pdf> [18 Mei 2014].

